

Tarikh Dibaca: 07 Februari 2025M | 08 Sya'ban 1446H



ISLAMIC · SAVIOUR · OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“MEMPERKASA WAKAF MEMBANGUN
UMAT”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“MEMPERKASA WAKAF MEMBANGUN UMAT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah

¹ Ali-Imran : 92

² Ali-Imran: 102.

diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **"MEMPERKASA WAKAF MEMBANGUN UMAT"**.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Wakaf adalah menahan sesuatu harta yang boleh diambil manfaatnya dengan mengekalkan zatnya, serta memutuskan (cabut) hak pewakaf ke atas harta tersebut, untuk digunakan bagi tujuan kebajikan demi mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Sesungguhnya saranan bersedekah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW telah mendorong jiwa dan hati para sahabat untuk berlumba-lumba menginfakkan harta semata-mata kerana Allah SWT.

Dalam satu riwayat, Anas Radiallahuanhu menceritakan bahawa para sahabat telah menyahut seruan Allah SWT dengan segera menginfakkan harta yang mereka sayangi setelah turunnya firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 92 sebagaimana yang disebut di awal khutbah tadi yang bermaksud:

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu infakkan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu infakkan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya."

Abu Talhah Radiallahuanhu apabila mendengar ayat ini, lantas bertemu dengan Rasulullah SAW dan berkata;

"...Sesungguhnya antara harta-harta yang aku paling sayangi adalah kebun Bairuha'; Harta itu aku sedekahkan untuk Allah dan aku mengharap balasan kebaikan dan simpanan (pahala) di sisi Allah. Ya Rasulullah, uruskanlah kebun itu mengikut apa yang Allah tunjukkan kepadamu..."

Lalu Rasulullah SAW bersabda:

"Wah, itu adalah harta yang menguntungkan (mendatangkan pahala untukmu), itu adalah harta yang menguntungkan (mendatangkan pahala untukmu). Aku telah mendengar apa yang engkau katakan tentangnya, dan sesungguhnya aku berpendapat agar engkau menjadikannya (memberikannya) buat kaum kerabatmu."

(Riwayat al-Bukhari).

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Saidina Umar bin al-Khattab Radiallahuanhu juga pernah meminta pandangan Rasulullah SAW berkenaan cara menguruskan tanahnya di Khaibar. Sepertimana hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Jika engkau mahu, tahanlah tanah itu (sebagai harta wakaf) dan sedekahkan hasilnya kerana Allah SWT." Maka Umar pun menyedekahkannya, iaitu tanah itu tidak boleh dijual, tidak boleh dihibahkan, dan tidak boleh diwariskan. Dan beliau menyedekahkan manfaatnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekakan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta sebagai bekalan orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu.

(Riwayat al-Bukhari).

Dalam hadis lain ada menyebutkan, daripada Saidina Uthman bin 'Affan Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Siapa yang membeli telaga Rumah (nama sebuah telaga di Madinah), dengan meletakkan timbanya pada telaga tersebut bersama-sama timba golongan Muslimin, lalu Uthman Radiallahuanhu membelinya "

(Riwayat al-Bukhari).

Demikianlah para sahabat Rasulullah SAW berlumba-lumba menyahut seruan yang disampaikan oleh Baginda SAW untuk mewakafkan harta demi meraih keredaan Allah SWT di akhirat kelak. Mereka memahami hakikat bahawa harta yang diinfakkan tidak akan berkurang, sebaliknya ia menjadi bekalan yang kekal abadi.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 272 yang bermaksud:

"Dan apa jua harta yang kamu infakkan, maka (faedahnyanya dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri. Dan kamu pula tidaklah mendermakan sesuatu, melainkan kerana menuntut keredaan Allah SWT".

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Sejak tahun 2019, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah menyalurkan manfaat wakaf hasil sumbangan para pewakaf bagi kepentingan umat Islam, khususnya dalam sektor ibadah dan pendidikan, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM7.17 juta.

Lebih daripada sekadar membangun masjid dan institusi ilmu, manfaat wakaf turut diperluaskan ke bidang-bidang strategik lain yang memberi

impak besar kepada kesejahteraan masyarakat. Sebahagian daripadanya disalurkan bagi memenuhi keperluan hospitaliti, meningkatkan kemudahan kesihatan, serta menyediakan keperluan asas untuk rumah anak-anak yatim.

Namun, angka dan data ini masih terlalu kecil jika dibandingkan dengan potensi sebenar yang boleh dimanfaatkan oleh PWS. Dengan jumlah umat Islam di Negeri Selangor melebihi 3.5 juta orang, kadar penyertaan dalam wakaf masih jauh daripada tahap yang sepatutnya. Aset dan dana wakaf yang diterima oleh PWS masih belum mencerminkan keupayaan sebenar institusi ini dalam menjana manfaat yang lebih besar kepada umat Islam.

Selagi aset dan dana wakaf tidak mencapai tahap yang kukuh, peranan institusi wakaf dalam memberikan nilai tambah dan menjamin kelangsungan manfaatnya kepada masyarakat akan terus terbatas. Kekuatan aset dan kewangan wakaf amat penting untuk memastikan kewujudan dan pengukuhan ekosistem wakaf di Negeri Selangor terus disebarluaskan manfaatnya. Wakaf bukan sekadar instrumen kebajikan, tetapi ia adalah mekanisme penting dalam memperkukuh solidariti sosial, meningkatkan kepedulian sesama umat, serta memastikan kesejahteraan masyarakat terus terpelihara.

Sidang Jumaat yang Berbahagia,

Jika ibadah zakat adalah kewajipan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dengan kadar tertentu, maka wakaf pula adalah satu bentuk infak yang bersifat sukarela, di mana seseorang menyerahkan hartanya untuk kepentingan umat Islam tanpa had tertentu. Kekuatan seseorang dalam

berwakaf mencerminkan penyerahan dan kepatuhan sepenuhnya kepada Allah SWT, sebagai tanda syukur seorang makhluk kepada Khalik.

Jika zakat berfungsi untuk memenuhi keperluan asas lapan golongan asnaf, wakaf pula melangkaui keperluan asas dengan perkembangan aset dan infrastruktur berkekalan demi kesejahteraan umat Islam secara berterusan. Selain itu, ia menjadi benteng untuk menghindarkan riba daripada terus berleluasa, seterusnya membentuk disiplin pengurusan kewangan yang lebih bertanggungjawab sejajar dengan prinsip ekonomi Islam.

Kini, terdapat fatwa yang membolehkan wakaf secara tunai dan ia telah membuka pintu seluas-luasnya bagi umat Islam untuk merebut peluang menanam benih kebajikan yang pahalanya terus mengalir hingga ke akhirat. Inilah ruang yang diberikan oleh syariat mengikut ijtihad ulama yang memudahkan kita berbuat kebaikan tanpa halangan harta berbentuk fizikal. Ambillah kesempatan atas ijtihad dan fleksibiliti hukum dalam Islam ini untuk melaksanakan wakaf tunai ini.

PWS juga telah menyediakan pelbagai medium untuk memudahkan masyarakat berwakaf sama ada secara dalam talian, menyumbang terus di kaunter Lembaga Zakat yang telah dilantik sebagai agen wakaf, atau melalui tabung wakaf yang ditempatkan di masjid-masjid, bangunan kerajaan, dan stesen minyak terpilih.

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Sesungguhnya mereka yang menginfakkan harta untuk berwakaf akan memperoleh ganjaran besar di sisi Allah SWT kerana mereka meyakini bahawa wakaf bukan sekadar sumbangan harta, tetapi sebuah pelaburan

abadi menuju akhirat, yang terus mengalir pahalanya walaupun jasad telah bersemadi di liang lahad.

Terdapat sebuah kisah yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu di mana Rasulullah SAW pernah didatangi oleh seorang lelaki yang bertanya tentang sedekah manakah yang paling besar pahalanya? Lalu Baginda SAW bersabda:

"Engkau bersedekah dalam keadaan sihat dan kikir, takut akan kemiskinan dan mengharap kekayaan, dan janganlah engkau menangguhkan (sedekah) hingga apabila nyawa telah sampai ke kerongkong..."

(Riwayat al-Bukhari).

Oleh itu, janganlah kita anggap harta kita akan berkurang apabila diinfakkan kerana Nabi SAW telah menegaskan sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu:

"Tiadalah harta itu berkurang kerana bersedekah"

(Riwayat Muslim).

Sebagai renungan bersama, marilah kita hayati pesan Buya Hamka yang merupakan seorang penulis dan ulama tersohor Indonesia. Katanya:

"Harta yang kamu makan, akan menjadi kotoran. Harta yang kamu simpan, akan menjadi warisan. Tetapi harta yang kamu wakafkan, akan kekal abadi di akhirat."

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa wakaf adalah amalan yang membawa manfaat berpanjangan, bukan hanya untuk kehidupan duniawi tetapi juga untuk kehidupan akhirat.

2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa wakaf memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan kewangan Islam, memperkukuh kesejahteraan sosial, membangunkan infrastruktur dan pendidikan, serta menyemai semangat kepedulian dan solidariti sesama Muslim.

3. Umat Islam hendaklah sentiasa ingat bahawa setiap infak yang dilakukan dalam bentuk wakaf akan terus mengalir pahalanya walaupun kita sudah tiada di dunia ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ
رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿٥٠﴾

"Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: " Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh".

(Surah al-Munafiqun: 10)

بَارِكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.



اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَعَكُّوْا أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, takdir yang buruk dan kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri

kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Kukuhkanlah Ya Allah, pegangan akidah umat Islam di negeri ini, akidah yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



ISLAMIC SAVIOUR OBEEDIENCE

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.